

## **KENYATAAN DATUK BANDAR**

**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH**

**25 OKTOBER 2021**

---

### **1. PROMOSI PENGURANGAN KOMPAUN SEMPENA SAMBUTAN HARI BANDARAYA YANG KE-2 MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Dimaklumkan sempena Sambutan Hari Bandaraya yang Ke-2 , Majlis Bandaraya Seberang Perai sedang menjalankan promosi pengurangan kompaun Tempat Letak Kereta (TLK) serendah RM10.00 dan potongan sebanyak 50% untuk lain-lain kompaun kesalahan. Promosi pengurangan kompaun ini dikecualikan ke atas kompaun yang telah didaftarkan untuk tindakan Mahkamah.

Promosi ini berlangsung dari 16 September 2021 sehingga 31 Disember 2021. Saya menyeru seluruh penduduk Seberang Perai merebut peluang bagi menjelaskan kompaun Tempat Letak Kereta

yang mana promosi akan berakhir pada 31 Disember 2021.

Tindakan tegas akan di ambil ke atas kompaun-kompaun yang tidak dijelaskan.

## **2. SELAMAT MENYAMBUT HARI DEEPAVALI PADA 4 NOVEMBER 2021**

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada penduduk Seberang Perai yang menganut agama Hindu. Hari Deepavali disambut pada 4 November 2021 (Khamis) dan hari tersebut merupakan Hari Kelepasan Am.

## **3. SENTIASA MEMATUHI PROSEDUR STANDARD (STANDARD OPERATING PROCEDURE) DEMI MEMERANGI COVID-19**

Diingatkan seluruh kakitangan MBSP dan seluruh penduduk Seberang Perai sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM) dan amalkan norma baharu setiap masa bagi membendung penularan Covid-19. Kita telah berada di dalam

Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) mulai 18 Oktober 2021.

Jangan alpa dan lalai dengan kelonggaran dan kebebasan yang diberikan sekarang. Saya menyeru sekali lagi, penduduk Seberang Perai mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan supaya kita kekal sihat.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**